

Persepsi Pelajar Terhadap Peruntukan Kerajaan untuk Mengatasi Kemiskinan di Malaysia  
(*Student Perception of Government Expenditure to Overcome Poverty in Malaysia*)

JESSLYN ENG YI SIN\* & DORIS PADMINI SELVARATNAM

ABSTRACT

Kemiskinan merupakan sesuatu isu agenda pembangunan yang mempengaruhi pembentukan dasar pembangunan di Malaysia. Malaysia semakin menuju ke arah negara berstatus maju, tetapi isu kemiskinan masih wujud dan bertambah buruk. Kajian ini telah dijalankan untuk mengenalpasti persepsi pelajar terhadap peruntukan kerajaan untuk mengatasi kemiskinan di Malaysia. Seramai 100 orang pelajar universiti telah memberi balas terhadap soal selidik yang telah dibangunkan berdasarkan kajian literatur dan diedarkan secara google form dalam media sosial. Kajian ini mencadangkan pihak kerajaan perlu memberi bantuan dan mengatasi masalah kemiskinan dengan penambahan peruntukan peruntukan kerajaan. Hal ini agar masalah kemiskinan dapat diatasi, jurang pendapatan dapat dikurangkan serta taraf hidup dan pembangunan negara dapat ditingkatkan di Malaysia. Kajian juga akan mencadangkan beberapa strategi kerajaan bagi mengatasi masalah kemiskinan ini.

Kata kunci: kemiskinan, golongan pelajar, peranan kerajaan, strategik kerajaan, Malaysia

ABSTRAK

*Poverty is an important issue that shapes development policy in Malaysia. Malaysia is increasingly moving towards a developed country, but the issue of poverty still exists and worsen. This study was conducted to identify students' perceptions of government spending to overcome poverty in Malaysia. A total of 100 university students have answered questions that have been constructed based on literature reviews and distributed in google form on social media. Data was analyzed using SPSS software. The implications of this study show that the government needs to provide assistance and overcome the problem of poverty by increasing the allocation of government production. This is to overcome the problem of poverty, reduce income and improve the standard of living and national development in Malaysia. This study will also suggest some government strategies to overcome this poverty.*

*Keywords:* poverty, students, government's responsibility, goverment's strategy, Malaysia

## PENGENALAN

Kemiskinan negara merupakan satu situasi yang dinamik yang mungkin disebabkan oleh kelemahan pengurusan negara. Isu kemiskinan telah mendapat perhatian masyarakat terutamanya pihak kerajaan dan ahli-ahli ekonomi. Kemiskinan akan menyebabkan seseorang akan beranggapan mereka diketepikan daripada proses membuat keputusan dalam masyarakatnya sendiri, didiskriminasi daripada masyarakat, hilang rasa kesepuhyaan kepada masyarakat dan menjurus kepada menjadi mudah terdedah kepada jenayah bandar. Kemiskinan isi rumah ini boleh dikenalpasti berdasarkan kekurangan pendapatan untuk membeli keperluan asas, tingkat pendidikan yang rendah, tidak memiliki harta benda, tidak sihat tubuh badan, kekurangan makanan dan pakaian, tiada tempat tinggal yang selesa dan tiada pekerjaan yang dapat menjamin kelangsungan hidup. Kesemua keadaan ini akan menyebabkan seseorang itu tiada daya upaya untuk keluar daripada lingkaran kemiskinan jika tiada bantuan dan sokongan daripada pihak yang berkuasa.

Menurut Moser (1997), kemiskinan bandar biasanya disebabkan oleh beberapa kekurangan yang penting seperti pendapatan isi rumah yang tidak cukup atau stabil menyebabkan ketidakcukupan penggunaan. Hal ini disebabkan oleh isi rumah susah mendapatkan barang keperluan asas. Tambahan pula, perumahan yang berkualiti rendah juga menyebabkan isi rumah mudah menghadapi masalah kesihatan, diskriminasi dan kes jenayah. Kemudahan yang terhad bagi pasaran

buruh terutamanya bagi kumpulan etnik dan wanita juga menjadikan pendapatan isi rumah tidak stabil.

Kemiskinan dan pendidikan berinteraksi dan berkait rapat untuk meningkatkan keupayaan bersaing di peringkat global dan pemberian kualiti hidup (Berg, n.d.; Chamhuri Siwar 2009: 154). Oleh itu, orang miskin selalunya menghadapi kesukaran untuk mencapai tahap akademik tinggi dan orang yang kurang berpendidikan sukar untuk melepaskan diri daripada belenggu kemiskinan. Keadaan ini menyebabkan kewujudan isu miskin yang serius dalam kalangan belia yang miskin. Tren kemiskinan Malaysia menurun mengikut tahun. Walaupun situasi ini boleh dibanggakan namun yang pasti kejayaan dan kemajuan ekonomi akan menyebabkan satu golongan akan bertambah kaya dan satu golongan lagi agak ketinggalan. Usaha perlu dilakukan untuk mengambilkira pelbagai faktor dan proses serta halangan bagi meningkatkan keupayaan kehidupan golongan belia yang miskin ke arah yang lebih baik sama ada dari segi ekonomi, ekologi dan sosial.

Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (HIS) adalah dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia bermula pada tahun 1973. Penyiasatan ini dijalankan sebanyak 2 kali dalam tempoh 5 tahun, iaitu dalam setiap tempoh Rancangan Pembangunan Malaysia. Data yang telah dikumpulkan tentang kemiskinan dan pendapatan isi rumah adalah digunakan untuk tujuan penggubalan dasar-dasar pembangunan negara serta untuk tujuan pembasmian kemiskinan dan peningkatan pendapatan isi rumah.

JADUAL 1: Insiden kemiskinan mutlak mengikut kumpulan etnik, Malaysia, 1970-2019

Kumpulan Etnik	1970	1979	1987	1989	1995	1999	2002	2007	2012	2016	2019
Malaysia	49.3	37.4	19.4	16.5	8.7	7.5	5.1	3.6	1.7	7.6	5.6
Bumiputera	64.8	49.2	26.6	23.0	12.2	10.2	7.3	5.3	2.2	9.7	7.2
Cina	26.0	16.5	7.0	5.4	2.1	2.6	1.5	0.6	0.3	2.2	1.4
India	39.2	19.8	9.6	7.6	2.6	1.9	1.9	2.6	1.8	5.5	4.8
Lain-lain	44.8	28.9	20.3	22.8	22.5	21.7	14.3	10.1	1.5	20.5	13.5

(Sumber: Kementerian Ekonomi. Insiden kemiskinan mutlak mengikut kumpulan etnik, strata dan negeri Malaysia, 1970-2019. Survei Pendapatan Isi Rumah)

Berdasarkan Jadual 1, kadar kemiskinan telah mengalami penurunan daripada tahun 1970 sehingga tahun 2019 untuk semua kumpulan etnik. Kadar kemiskinan negara telah menurun daripada 7.6 peratus (2016) kepada 5.6 (2019). Menteri Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata bahawa perkembangan ini adalah positif dan

telah menunjukkan program pembasmian kemiskinan yang dijalankan oleh kerajaan dan berusaha bersama-sama dengan pihak-pihak swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) telah mendapatkan keputusan yang baik. Jadual 2: Peruntukan Kerajaan ke atas Peruntukan Isi Rumah Kolektif (RM Juta),

## JADUAL 2: Kemudahan Dan Perkhidmatan yang Disediakan oleh Kerajaan 2015-2019

Peruntukan Kerajaan	2015	2016	2017	2018	2019
Penggunaan perseorangan kerajaan	60,016	61,334	61,919	60,268	63,733
Perkhidmatan kesihatan	15,919	16,499	13,415	12,192	13,951
Perkhidmatan pendidikan	42,655	43,295	46,797	46,335	47,988
Perkhidmatan sosial	1,442	1,540	1,707	1,741	1,795

Jadual 2 menunjukkan kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan yang digunakan secara kolektif oleh masyarakat seperti pendidikan, kesihatan dan kemudahan keselamatan boleh merapatkan jurang pendapatan dalam kalangan isi rumah. Dalam konteks Malaysia, kerajaan telah berbelanja bagi perkhidmatan kesihatan, pendidikan dan sosial untuk penggunaan isi rumah sebanyak RM63.7 bilion pada tahun 2019 berbanding RM61.3 bilion pada tahun 2016.

Kemiskinan merupakan isu yang masih tidak dapat diatasi. Hal ini kerana kebanyakan orang tidak mampu memenuhi keperluan asas. Oleh itu, objektif kajian untuk kajian ini ialah mengenal pasti faktor yang menjadi punca kepada masalah kemiskinan dan menganalisis peranan kerajaan dalam mengatasi masalah kemiskinan di negara Malaysia. Kewujudan kemiskinan adalah disebabkan oleh kegagalan dalam mendapat pendapatan yang lebih tinggi dan ini secara tidak langsungnya dipengaruhi dengan pencapaian dalam tahap pendidikan yang rendah (Bourne, 2008).

### KAJIAN LITERATUR

Kemiskinan adalah berdasarkan kekurangan atau ketidakstabilan pendapatan isi rumah untuk mendapatkan barang keperluan asas, harta benda yang dimiliki, tahap pendidikan yang rendah dan seterusnya. Hal ini disebabkan kekurangan keperluan asas dan pendidikan menyebabkan isi rumah ingin cuba melakukan kes jenayah untuk mendapatkan kehidupan selesa dan mewah.

#### Faktor yang menjadi punca kepada masalah kemiskinan

#### Masalah Pengangguran dan Kekurangan Peluang Pekerjaan

Menurut laporan Berita Harian, "jumlah penganggur pada bulan Mac (2019) telah meningkat sebanyak 17.1 peratus, mencatatkan jumlah sebanyak 610,500

orang berbanding dengan 521,300 orang pada bulan sama tahun sebelumnya." Rekod ini amat menciptakan kebimbangan sehingga masih tidak wujud cara penyelesaian yang baik untuk mengatasi masalah pengangguran. Selain itu, kekurangan peluang pekerjaan turut menjadi penyumbang kepada kemiskinan. Hal ini kerana isi rumah tidak mempunyai sumber pendapatan bagi memenuhi keperluan asas. Implikasinya, isi rumah terpaksa berlapar perut dan menahan sakit untuk meneruskan hidup. Faktor kekurangan peluang pekerjaan juga disokong oleh Nur Syazwani Zainul Abidin (2019), beliau berkata bahawa peluang pekerjaan yang terhad juga merupakan satu faktor kemiskinan di Malaysia. Lebihan tenaga kerja daripada pelbagai jenis peringkat kemahiran dan tahap kelayakan di kawasan bandar akan menyebabkan semakin kurangnya peluang pekerjaan serta meningkatkan lagi masalah pengangguran.

#### Kekurangan Kemahiran dan Pendidikan

Menurut Mohd Fadzil dan Ishak (2007), keadaan kemiskinan di Malaysia menjadi semakin teruk ketika berlakunya perpindahan penduduk dari kawasan luar bandar ke bandar dengan tujuan mendapat peluang pekerjaan dan kehidupan yang selesa berbanding di kawasan perdesaan. Fenomena ini dianggap sebagai satu situasi yang kurang sihat. Hal ini kerana apabila terdapat pertumbuhan yang pesat dalam kawasan bandar akan menyebabkan timbulnya fenomena perkembangan bandar yang tidak sihat. Kesusaahan yang dihadapi oleh golongan imigran ini dalam mengekalkan kelangsungan kehidupan juga disebabkan oleh mereka sukar untuk memperolehi pekerjaan kesan daripada kekurangan kemahiran dan pendidikan yang diperlukan bagi memenuhi kehendak pasaran pekerjaan. Keadaan ini menyebabkan mereka termasuk dalam kategori golongan miskin bandar disebabkan oleh kurangnya pencapaian pendidikan untuk bersaing dalam pasaran pekerjaan bandar yang memerlukan tahap pendidikan dan kemahiran yang tinggi. Faktor ini juga disokong oleh Janice Lay Hui Nga, Ti Ching Yan dan Katty Hsiao Jia Wong (2011), hubungan antara kemiskinan dan

pendidikan adalah berkait rapat demi meningkatkan kemampuan daya saing pada peringkat global dan memperbaiki lagi kualiti kehidupan. Golongan miskin biasanya menghadapi masalah untuk melanjutkan pelajaran ke tahap seterusnya. Seseorang yang tidak mempunyai tahap pendidikan yang tinggi susah untuk melepaskan diri daripada kemiskinan. Oleh itu, orang miskin cenderung terlibat dalam pekerjaan dan kurang berminat untuk mencapai kemahiran akademik. Keadaan ini telah menyebabkan masalah kemiskinan menjadi semakin serius dalam golongan belia miskin.

### *Peningkatan Kos Sara Hidup*

Menurut Nur Izzat dan Amira (2020), peningkatan kos sara hidup juga merupakan sesuatu isu yang harus diberi perhatian oleh masyarakat. Hal ini disebabkan oleh ketidakstabilan ekonomi di Malaysia, maka harga barang-barang keperluan juga semakin meningkat. Harga barang-barang keperluan kekal naik secara mendadak. Ia akan menambahkan beban kewangan kepada isi rumah yang miskin. Menurut Julizah Sabstu (2014), beliau bersetuju bahawa kos sara hidup saling berkait rapat dengan taraf hidup. Kos sara hidup merupakan suatu peruntukan yang perlu dibayar oleh isi rumah bagi memenuhi keperluan asas seperti makanan, tempat tinggal dan pakaian serta keperluan-keperluan lain termasuk kos kenderaan, kos pendidikan dan sebagainya. Selain itu, taraf hidup boleh diukur berdasarkan perbezaan antara pendapatan boleh guna dengan kos sara hidup. Jika pendapatan adalah lebih rendah berbanding dengan kos sara hidup, maka telah menggambarkan taraf hidup seseorang adalah rendah dan sebaliknya.

### *Peranan kerajaan untuk mengatasi masalah kemiskinan*

#### *Pemberian Insentif*

Bagi mengatasi masalah kemiskinan yang semakin serius di Malaysia, pihak kerajaan harus bertanggungjawab untuk mengurangkan beban kewangan isi rumah. Menurut Myza Nazifa (2020), pihak kerajaan harus lebih peka terhadap golongan yang kurang berkemampuan (orang miskin). Contoh insentif yang pernah diberikan oleh pihak kerajaan seperti Bantuan Prihatin Nasional. Bantuan yang diberikan oleh kerajaan ini perlu memohon secara atas talian. Hal ini menyebabkan golongan miskin tidak mendapat maklumat ini kerana mereka tidak atau kurang mengakses Internet. Maka, pihak kerajaan perlu memastikan bahawa semua bantuan dapat disampaikan

kepada golongan miskin agar dapat mengurangkan beban kewangan mereka. Menurut Wan Syamsul Amlly (2023), kerajaan kini dilihat berada di landasan yang tepat apabila telah menambah baik program sedia ada selain memperkenalkan Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) di bawah Kementerian Ekonomi. Program berkenaan menumpukan tiga bidang iaitu Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN), Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN) dan Inisiatif Usahawan Tani (INTAN). Bantuan ini dapat menambah pendapatan keluarga miskin dan B40. Bukan itu sahaja, pada masa yang sama berusaha mengatasi masalah ekonomi dengan mewujudkan ekosistem antara pemohon, pemegang taruh dan masyarakat setempat.

#### *Penyediaan Peluang Pelajaran Yang Lebih Banyak*

Menurut Radin Dafina (2020), pendidikan merupakan satu kunci untuk melepaskan diri daripada masalah kemiskinan. Pihak berkuasa harus memberi bantuan kepada kanak-kanak yang tidak mempunyai peluang bagi melanjutkan pelajaran supaya mereka dapat menambahkan ilmu pengetahuan. Kementerian Pelajaran juga boleh menjalankan lawatan di kawasan luar bandar untuk memberi bantuan kepada golongan tersebut. Rakyat juga boleh melaporkan pihak berkuasa sekiranya terjumba atau terlihat budak kecil yang bekerja kerana mereka sepatutnya harus pergi ke sekolah. Menurut berita Harian Metro (2022), Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz berkata komitmen tersebut dapat dilihat melalui pelaksanaan inisiatif Jamin Kerja Keluarga Malaysia (JaminKerja) yang akan menyediakan 600,000 peluang pekerjaan dengan peruntukan RM4.8 bilion. Beliau menegaskan bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob akan melancarkan inisiatif ini pada 19 Februari ini. Selain itu, Tengku Zafrul juga berharap kerajaan boleh melakukan program Mystep untuk tahun ini dan akan membekalkan peluang pekerjaan jangka pendek melalui cara kontrak dalam sektor awam dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC). Tujuan program ini adalah supaya dapat meningkatkan kebolehpasaran pencari kerja. Pihak kerajaan telah berjaya menyasarkan peluang pekerjaan sebanyak 80,000 berbanding 50,000 pada tahun lalunya.

#### *Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB)*

Menurut Lokman Haji Ramli (1990), strategi untuk membasmikan kemiskinan yang digunakan oleh pihak kerajaan pada masa kini adalah terbahagi kepada dua aspek. Aspek pertama adalah untuk menyerap golongan miskin dari luar bandar ke dalam sektor moden

dengan pembangunan bukan pertanian terutamanya pembangunan sektor industri. Aspek kedua adalah untuk meningkatkan daya pengeluaran pertanian terutamanya menerusi pembukaan tanah baharu dan pembangunan kawasan yang sedia ada. Penyediaan kemudahan asas seperti kemudahan kesihatan, kemudahan awam, pelajaran dan perumahan juga merupakan sebahagian daripada strategi ini. Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru ini oleh kerajaan telah berjaya menggerakkan dan mempercepatkan pembangunan sektor luar bandar. Menurut Pejabat Perdana Menteri (2003), Matlamat Dasar Ekonomi Baru adalah bertujuan untuk mewujudkan perpaduan negara dengan membasmikan kemiskinan masyarakat dan menyusun semula masyarakat dalam bidang keselamatan negara. Semua program pembangunan negara dan dasar kerajaan semasa yang dilaksanakan adalah untuk mencapai tujuan-tujuan tersebut. Usaha ini bukan sahaja memerlukan usaha yang gigih dari kerajaan dan kakitangannya, tetapi juga memerlukan perubahan sikap, tenaga dan pemikiran rakyat dari sektor swasta

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan google form hal ini menyebabkan pengkaji tidak dapat mengenalpasti data (tidak jelas) dalam kalangan masyarakat yang tidak mempunyai akses terhadap google form dan responden juga terhad kepada 100 orang sahaja.

Borang soal selidik ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu bahagian A adalah demografi responden, bahagian B adalah faktor yang menjadi punca kepada masalah kemiskinan dan bahagian C adalah peranan Kerajaan dalam mengatasi masalah kemiskinan. Bagi bahagian A, soalan terdiri daripada soalan butiran bentuk tertutup yang berkehendakkan jawapan pendek seperti ‘Ya’ atau ‘tidak’. Bahagian B dan C, soalan terdiri daripada soalan butiran bentuk tertutup dan soalan skala likert yang digunakan untuk melihat tahap persetujuan responden iaitu daripada sangat setuju (1) kepada sangat tidak setuju (4). Hasil dapatan dianalisis menggunakan *Microsoft Excel* dan aplikasi SPSS.

Kajian dilaksanakan berdasarkan maklum balas kepada borang soal selidik yang dibangunkan berdasarkan kajian lepas dan teori. Borang soal selidik diedarkan terlebih dahulu kepada beberapa orang responden yang mewakili golongan belia yang merupakan pelajar untuk mendapatkan maklum balas dan komen mengenai kesesuaian soalan dan kejelasan borang soal selidik.

Setelah mendapatkan maklum balas daripada responden, borang soal selidik mula diedarkan secara

atas talian menerusi *Google Form* melalui medium *WhatsApp* dan *Telegram* kepada golongan sasaran iaitu pelajar yang berumur 18-29 tahun yang menetap di Malaysia. Kriteria sampel adalah dewasa melebihi umur 18 tahun.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Jadual ini menunjukkan demografi responden yang menjawab borang soal selidik. Kajian ini melibatkan 100 jumlah responden yang terdiri daripada 38% iaitu 38 orang lelaki dan 62% iaitu 62 orang perempuan. Julat 22-25 tahun menyumbang kepada 45% iaitu peratusan yang tertinggi, diikuti julat 18-21 tahun menyumbang kepada 34% dan julat 26-29 tahun menyumbang kepada 21%. Didapati bahawa majoriti responden berbangsa Cina iaitu 69%, 23% responden berbangsa Melayu, 6% responden berbangsa India dan 2% responden berbangsa lain-lain. Lebih daripada separuh jumlah responden iaitu 68% mempunyai Sarjana Muda/Ijazah dan 22% mempunyai berkelulusan diploma. Sementara itu, 9% mempunyai berkelulusan master dan 1% mempunyai berkelulusan PHD. Sebanyak 67% responden tinggal di bandar dan 33% tinggal di luar bandar. 54% responden mempunyai 2-4 orang ahli keluarga, diikuti 41% responden mempunyai 5-7 orang ahli keluarga dan 5% mempunyai 8-9 orang ahli keluarga. Daripada kajian ini, 67% responden adalah berkelompok dalam kumpulan B40 dan 26% responden adalah berkelompok dalam kumpulan M40 manakala 7% adalah berkelompok dalam kumpulan T20.

70% daripada jumlah responden telah menjawab “Ya” kepada soalan soal selidik yang menyatakan bahawa kekurangan peluang pekerjaan sebagai faktor utama kemiskinan di Malaysia. Menurut Nur Syazwani Zainul Abidin (2019), beliau berkata bahawa peluang pekerjaan yang terhad juga merupakan satu faktor kemiskinan di Malaysia. Kebanyakan responden iaitu 90% telah menjawab “Ya” kepada soalan soal selidik yang menyatakan bahawa faktor ketidakupayaan untuk mendapatkan pekerjaan yang sesuai kepakaran mempengaruhi kadar kemiskinan. Selain itu, 97 orang responden iaitu 97% telah menjawab “Ya” kepada soalan soal selidik yang menyatakan bahawa kos sara hidup yang tinggi menjelaskan taraf hidup masyarakat. Menurut Julizah Sabstu (2014), hubungan antara kos sara hidup dan taraf hidup saling berkait rapat. Kos sara hidup merupakan kos yang ditanggung oleh isi rumah bagi memenuhi keperluan asas untuk keselesaan hidup. Sebanyak 77% responden menjawab “Ya” kepada soalan soal selidik yang menyatakan bahawa inflasi berkait rapat dengan kemiskinan.

JADUAL 3: Demografi Responden

Item		n	Peratus
Jantina	Lelaki	38	38%
	Perempuan	62	62%
Umur	18-21	34	34%
	22-25	45	45%
	26-29	21	21%
Bangsa	Melayu	23	23%
	Cina	69	69%
	India	6	6%
	Lain-lain	2	2%
Tahap Pendidikan	Diploma	22	22%
	Sarjana Muda/Ijazah	68	68%
	Master	9	9%
	PHD	1	1%
	4	29	29%
	5	16	16%
	6	18	18%
	7	7	7%
	8	3	3%
	9	2	2%
Pendapatan Bulanan Isi Rumah	Bawah RM4850 (B40)	67	67%
	RM4851 – RM10970 (M40)	26	26%
	RM10971 ke atas (T20)	7	7%
Adakah anda memahami maksud kemiskinan?	Ya	95	95%
	Tidak	5	5%
Adakah anda tegolong dalam Kumpulan B40?	Ya	56	56%
	Tidak	44	44%
Adakah anda memohon bantuan kewangan kerajaan?	Ya	64	64%
	Tidak	36	36%
Adakah anda mempunyai amalan menabung untuk masa hadapan /kecemasan?	Ya	85	85%
	Tidak	15	15%
Adakah pendapatan keluarga anda cukup untuk membeli barang keperluan? (Cth: Makanan, Pakaian dan Tempat tinggal)	Ya	93	93%
	Tidak	7	7%

N=100 (Sumber: Kaji Selidik, 2023)

**JADUAL 4: Faktor Yang Menjadi Punca Kepada Masalah Kemiskinan**

Faktor		n	Peratus
<b>Masalah Pengangguran dan Kekurangan Peluang Pekerjaan</b>			
Adakah anda bersetuju bahawa kekurangan peluang pekerjaan sebagai faktor utama kemiskinan di Malaysia?	Ya	79	79%
	Tidak	21	21%
Pada pandangan anda, adakah faktor ketidakupayaan untuk mendapatkan pekerjaan yang sesuai kepakaran mempengaruhi kadar kemiskinan?			
Ya	90	90%	
Tidak	10	10%	
<b>Peningkatan kos sara hidup</b>			
Adakah kos sara hidup yang tinggi menjelaskan taraf hidup masyarakat?	Ya	97	97%
	Tidak	3	3%
Adakah inflasi berkait rapat dengan kemiskinan?			
Ya	77	77%	
Tidak	23	23%	

N= 100 (Sumber: Kaji Selidik, 2023)

**JADUAL 5: Faktor-faktor Masalah Kemiskinan**

Faktor		Min	Sisihan piawaian
<b>Kekurangan Kemahiran dan Pendidikan</b>			
Adakah kekurangan pendidikan berhubung rapat dengan kemiskinan?		1.92	1.021
Adakah kekurangan kemahiran dan pendidikan menyebabkan pekerja kurang mahir hilang peluang pekerjaan?		1.95	0.936
Pada pandangan anda, adakah faktor globalisasi dan perkembangan teknologi boleh mempengaruhi pasaran tenaga kerja dan mengakibatkan pengangguran serta kemiskinan?		1.81	0.812
Adakah migrasi dari luar bandar ke bandar akan mendapat kehidupan yang lebih selesa walaupun tidak mempunyai kemahiran dan pendidikan yang tinggi?		2.43	0.977
<b>Peningkatan kos sara hidup</b>			
Bagi anda, adakah kumpulan B40 lebih terdedah kepada kenaikan harga barang kerana kebergantungan mereka yang lebih tinggi terhadap keperluan?		1.48	0.611
Adakah peningkatan kos sara hidup akan meningkatkan beban kewangan golongan miskin?		1.25	0.479
Adakah peningkatan harga makanan dan keperluan asas dapat memberi kesan kepada kelompok penduduk yang lebih miskin dan menyebabkan kebuluran?		1.43	0.640

Di mana 1 adalah "Sangat setuju" dan 4 adalah "Sangat tidak setuju" (Sumber: Kaji Selidik, 2023)

Jadual 5 menunjukkan dapatan min dan sisihan piawai untuk soalan-soalan tentang faktor yang menjadi punca kepada masalah kemiskinan. Kebanyakan responden berpendapat bahawa pergerakan dari luar bandar ke bandar bagi memperoleh kehidupan yang selesa walaupun tidak mempunyai kemahiran dan pendidikan yang tinggi bukan faktor utama bagi masalah kemiskinan. Ini telah membawa kepada skor min tertinggi (2.43). Selain itu, responden berpendapat bahawa kekurangan kemahiran dan pendidikan tidak semestinya akan menyebabkan pekerja kurang mahir hilang peluang pekerjaan dengan min kedua tertinggi (1.95). Responden juga bersetuju bahawa kekurangan pendidikan berhubung rapat dengan kemiskinan di mana min ketiga tertinggi (1.92). Pada masa yang sama, faktor globalisasi dan perkembangan teknologi boleh mempengaruhi pasaran tenaga kerja dan mengakibatkan pengangguran serta kemiskinan dengan min (1.81). Bagi faktor kenaikan kos sara hidup, responden berpendapat

bahawa kumpulan B40 lebih terdedah kepada kenaikan harga barang kerana kebergantungan mereka yang lebih tinggi terhadap keperluan. Soalan ini membawa kepada skor min sebanyak 1.48. Seterusnya, responden bersetuju bahawa peningkatan harga makanan dan keperluan asas dapat memberi kesan kepada kelompok penduduk yang lebih miskin dan menyebabkan kebuluran dengan min 1.43. Ramai responden bersetuju bahawa peningkatan kos sara hidup akan meningkatkan beban kewangan golongan miskin di mana min yang paling rendah 1.25.

Nilai kebolehpercayaan iaitu Cronbach alpha adalah 0.718. Nombor ini mentafsirkan sebagai 71% ujian boleh dipercayai dan 29% ujian tidak dapat dipercayai. Menurut Hair et al, (2010) nilai pekali kebolehpercayaan Cronbach Alpha boleh dipercayai kerana bilangan item yang ditanya relevan dengan soalan dan berkaitan faktor-faktor yang menjadi punca kepada masalah kemiskinan.

JADUAL 6: Peranan kerajaan dalam mengatasi masalah kemiskinan

Peranan kerajaan		Bilangan	Peratus
Pemberian Insentif			
Pada pandangan anda, adakah anda percaya kerajaan telah melaksanakan langkah-langkah yang berkesan dalam usaha membasmikan kemiskinan?	Ya	85	85%
	Tidak	15	15%
Penyediaan Peluang Pelajaran Yang Lebih Banyak			
Adakah masyarakat berpendidikan dapat menyumbang kepada proses pembangunan ekonomi negara dan secara tidak langsung mengurangkan kadar kemiskinan?	Ya	86	86%
	Tidak	14	14%

N= 100 (Sumber: Kaji Selidik, 2023)

Kebanyakan responden iaitu 85% mempercayai kerajaan telah melaksanakan langkah-langkah yang berkesan dalam usaha membasmikan kemiskinan. Menurut Berita Harian (2023), Dr. Yeah Kim Leng berkata bahawa kerajaan telah menawarkan subsidi sejak tahun sebelumnya kepada barang dan perkhidmatan asas. Pihak kerajaan berbuat demikian bagi mengurangkan beban kewangan rakyat. Antara subsidi yang diberikan oleh kerajaan seperti subsidi minyak masak, tepung, beras, petrol, elektrik, ayam dan telur, penjagaan kesihatan dan pendidikan. Selain itu, 86 orang responden iaitu 86% telah menjawab "Ya" kepada soalan soal selidik yang menyatakan bahawa masyarakat berpendidikan dapat memberi sumbangan kepada proses pembangunan ekonomi negara dan

secara tidak langsung dapat menurunkan kadar kemiskinan. Menurut Prof Madya Dr Mohd Asri Mohd Noor dan Dr Kesavan Nallaluthan (2023), pendidikan boleh membuka pintu kepada banduan muda terhadap peluang pendidikan tinggi, pekerjaan dengan gaji lebih baik dan kehidupan lebih memuaskan, sekali gus menjadi pelaburan masa depan. Antara program dilaksanakan dan boleh dijadikan model ialah Diploma Keusahawanan 'Pelita Suluh Budiman' ditawarkan Fakulti Pengurusan dan Ekonomi serta dibiayai sepenuhnya Pusat Wakaf, Endowmen, Zakat, Khairat dan Sedekah (WEZAS) Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) kepada banduan pesalah muda di Penjara Kluang.

JADUAL 7: Peranan kerajaan dalam mengatasi masalah kemiskinan

Peranan kerajaan	Min	Sisihan Piawaian
Pemberian insentif		
Adakah bantuan tunai kekal sebagai antara inisiatif yang boleh digunakan sebagai strategi perlindungan sosial dalam menangani kemiskinan dalam kalangan golongan miskin?	1.82	0.730
Adakah insentif kerajaan dapat mengurangkan kemiskinan dalam jangka masa pendek sahaja?	1.71	0.769
Penyediaan Peluang Pelajaran Yang Lebih Banyak		
Pada pandangan anda, adakah kerajaan harus memberi lebih tumpuan kepada aspek pendidikan dan kemahiran dalam usaha mereka untuk membantu golongan miskin?	1.62	0.616
Adakah anda bersetuju bahawa pendidikan aras sangat penting bagi membolehkan mereka dapat ilmu pengetahuan dan pekerjaan pada masa hadapan?	1.60	0.550
Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB)		
Adakah pembasmian kemiskinan dalam kalangan masyarakat akan menjamin keselamatan negara?	1.74	0.787
Adakah pembukaan tanah baharu dan pembangunan kawasan yang sedia ada akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada masyarakat?	3	0.888

Di mana 1 adalah "Sangat setuju" dan 4 adalah "Sangat tidak setuju"

(Sumber: Kaji Selidik, 2023)

Jadual 7 menunjukkan dapatan min dan sisihan piawai untuk soalan-soalan tentang peranan kerajaan dalam mengatasi masalah kemiskinan. Responden berpendapat bahawa peluang pendidikan memberi kesan yang besar dalam mengurangkan kemiskinan dengan skor min tertinggi (1.84). Responden juga bersetuju bahawa pembukaan tanah baharu dan pembangunan kawasan yang sedia ada akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada masyarakat di mana min kedua tertinggi (1.83). Selain itu, responden berpendapat bahawa bantuan tunai kekal dan Dasar Ekonomi Baru boleh digunakan sebagai strategi perlindungan sosial dalam menangani kemiskinan dalam kalangan golongan miskin tanpa mengira kaum. Ini telah membawa kepada skor min sebanyak 1.82 masing-masing. Pada masa yang sama, pembasmian kemiskinan dalam kalangan masyarakat akan menjamin keselamatan negara dengan min (1.74).

Bagi langkah pemberian insentif kepada rakyat, responden berpendapat bahawa insentif kerajaan dapat mengurangkan kemiskinan dalam jangka masa pendek sahaja. Soalan ini membawa kepada skor min sebanyak 1.71. Seterusnya, responden bersetuju bahawa kerajaan

perlu melakukan lebih banyak usaha dalam melibatkan masyarakat dalam program pembasmian kemiskinan dengan min 1.71. Responden juga bersetuju bahawa kerajaan harus memberi lebih tumpuan kepada aspek pendidikan dan kemahiran dalam usaha mereka untuk membantu golongan miskin dengan min 1.62. Tambahan pula, responden bersetuju bahawa pendidikan aras sangat penting bagi membolehkan mereka dapat ilmu pengetahuan dan pekerjaan pada masa hadapan. Ini membawa min sebanyak 1.60. Ramai responden bersetuju bahawa insentif pendidikan seperti biasiswa atau pembiayaan pendidikan dapat membantu individu berpendapatan rendah untuk meningkatkan kemahiran dan peluang pekerjaan di mana min yang paling rendah 1.25.

## IMPLIKASI DAN KESIMPULAN

Kesimpulannya, negara kita telah menghadapi masalah kemiskinan yang agak serius tetapi tidak diberikan perhatian yang secukupnya dan tidak diselesaikan oleh pihak kerajaan dan rakyat Malaysia. Masalah kemiskinan di Malaysia merupakan realiti sosial yang

kompleks dan memerlukan penelitian yang mendalam untuk mendapati dan memahami faktor-faktor dan cabaran-cabaran yang berkaitan. Masalah kemiskinan tidak semestinya melibatkan kekurangan sumber kewangan, tetapi juga berkaitan dengan peluang pekerjaan yang terhad, tahap pendidikan yang rendah dan lain-lain.

Ramai responden dalam kajian ini mendapati bahawa faktor utama menyebabkan masalah kemiskinan di Malaysia ialah peningkatan kos sara hidup. Pada masa ini, ramai yang tidak mendapatkan kenaikan gaji dalam pekerjaan ataupun yang tidak mempunyai pekerjaan yang stabil menjadi lagi miskin dan tidak mempunyai kewangan yang cukup untuk membeli barang keperluan. Ramai daripada golongan tersebut tidak mempunyai kemahiran lagi. Oleh itu, pihak berkuasa perlu mengambil tindakan yang berkesan dan bersepudu untuk menyelesaikan faktor utama tersebut supaya kehidupan rakyat Malaysia boleh menjadi lebih berkualiti.

Pihak kerajaan juga telah mengambil tindakan untuk mengatasi masalah kemiskinan di negara kita. Sebagai contoh yang paling ramai responden bersetuju, kerajaan perlu memberi lagi insentif pendidikan untuk membolehkan rakyat meningkatkan kemahiran dan tahap pendidikan. Hal ini dapat membantu mereka untuk mencari pekerjaan dan meningkatkan nilai sendiri dalam pasaran tenaga buruh. Dengan tahap pendidikan yang tinggi, kita boleh memikir lebih rasional semasa menghadapi sesuatu perkara seperti ingin menambahkan sumber kewangan atau ingin meningkatkan kualiti hidup sendiri. Dengan pendekatan yang berkesan dan kerjasama yang kukuh, negara kita boleh mengatasi masalah isu kemiskinan dalam masa terpendek. Hal ini akan meningkatkan kualiti hidup rakyat dalam masa depan. Anak-anak Malaysia akan mendapat kehidupan yang lebih berkualiti dan stabil.

## PENGAKUAN

Penulisan ini merupakan hasil kajian kertas ilmiah EPPE3996 di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan dibiayai geran EP-2018-001.

## RUJUKAN

Berita Harian Online. (2019, Julai 7). Graduan, siswazah miskin, B40 sukar dapat kerja setimpal. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/07/582258/eksklusif-graduan-siswazah-miski>

- Berita Harian Metro. (2022, Februari 13). Kerajaan fokus sedia peluang pekerjaan. [https://www.pmo.gov.my/dokumenattached/Dasar/03DASAR\\_EKONOMI\\_BARU.pdf](https://www.pmo.gov.my/dokumenattached/Dasar/03DASAR_EKONOMI_BARU.pdf)
- Caroline O. N. Moser. (1997). Reassessing urban poverty reduction strategies: The asset vulnerability framework. The World Bank, Washington DC.
- Haji Ramli & Lokman. (1990). Masalah dominan ekonomi Malaysia dan penyelesaiannya menurut al-Quran. [http://studentsrepo.um.edu.my/135/9/chapter\\_4.pdf](http://studentsrepo.um.edu.my/135/9/chapter_4.pdf)
- Hair, N., Wetsch, L. R., Hull, C. E., Perotti, V., & Hung, Y. T. C. (2012). Market orientation in digital entrepreneurship: Advantages and challenges in a web 2.0 networked world. *International Journal of Innovation and Technology Management*, 9(06), 1250045.
- Hair, J. F., Black, W.C., Babin, B.J., & Anderson, R.E. 2010. Multivariate Data Analysis, Seventh Edition, Prentice Hall, Upper Saddle River, New Jersey.
- Julizah Sabstu. (2014). Kenaikan Kos Sara Hidup, Kesan Kepada Rakyat. <https://www.ikma.edu.my/images/dokumen/penerbitan/demensi/demensi-koop-44/44-3.pdf>
- Kementerian Ekonomi. Insiden kemiskinan mutlak mengikut kumpulan etnik, strata dan negeri Malaysia, 1970-2019. Survei Pendapatan Isi Rumah. [https://www.ekonomi.gov.my/sites/default/files/2020-08/Jadual%208\\_Insiden%20kemiskinan%20mutlak%20mengikut%20kumpulan%20etnik%2C%20strata%20dan%20negeri%2C%20Malaysia%2C%201970-2019.pdf](https://www.ekonomi.gov.my/sites/default/files/2020-08/Jadual%208_Insiden%20kemiskinan%20mutlak%20mengikut%20kumpulan%20etnik%2C%20strata%20dan%20negeri%2C%20Malaysia%2C%201970-2019.pdf)
- Katty Hsiao Jia Wong, Ti Ching Yan, Janice Lay Hui Nga. (2011). Kemiskinan dan Pendidikan: Kesan Dan Cabaran Di Kalangan Belia Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*.
- Lokman Haji Ramli. (1990). Masalah Kemiskinan Dan Penyelesaian. [http://studentsrepo.um.edu.my/135/9/chapter\\_4.pdf](http://studentsrepo.um.edu.my/135/9/chapter_4.pdf)
- Mohamad Asrol Arpidi bin Mamat, Ishak Saat & Khairi Ariffin. (1985). Impak Dasar Ekonomi Baru ke atas Peningkatan Ekonomi Bumiputera Selepas Tragedi 13 Mei 1969. *Jurnal Perspektif Jil. 6 Bil. 3 (138-151)*.
- MohdAsri Mohd Noor, Dr Kesavan Nallaluthan. (2023). Perbanyak peluang pesalah muda tingkatkan ilmu, kemahiran. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2023/05/1103782/perbanyak-peluang-pesalah-muda-tingkatkan-ilmu-kemahiran>
- Mohd Fadzil Abdul Rashid, & Ishak Ab. Ghani. (2007). Migrasi dan kemiskinan bandar: Suatu kajian

- literatur. Seminar Kebangsaan Pembangunan Persekutuan & Masyarakat 2007 (pp. 1-11). Pulau Pinang: Universiti Teknologi Mara.
- Mogan Ravie, Naga Devi. (2005). Kemiskinan di kalangan masyarakat ladang: kajian kes di lima buah ladang di kajang, Selangor. [http://studentsrepo.um.edu.my/2283/4/BAB\\_1.pdf](http://studentsrepo.um.edu.my/2283/4/BAB_1.pdf)
- Nor Azrul bin Mohd Zin & Noordeyana binti Tambi. (2018). Faktor Kemiskinan Bandar terhadap Pembangunan Pendidikan Golongan Lewat Kembang. *Jurnal Psikologi Malaysia* 32 (3), 119-130.
- Nur Syazwani Zainul Abidin. (2019). Kemiskinan Bandar DiMalaysia. DIMENSI-KOOP-BIL63-1-4. pdf (ikma.edu.my)
- Saadiah Ismail. (2023). Golongan kurang berkemampuan berpeluang dapat perlindungan PERKESO. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/01/1050870/golongan-kurang-berkemampuan-berpeluang-dapat-perlindungan-perkeso>
- Wan Syamsul Amlly. (2023). Kerajaan nekad noktahkan miskin tegar, bukan 'tanam tebu di bibir'. [KOLUMNIS] Kerajaan nekad noktahkan miskin tegar, bukan 'tanam tebu di bibir' | Astro Awani
- Yeah Kim Leng. (2023). Subsidi bersasar bela rakyat, perkukuh ekonomi negara. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/09/1158991/subsidi- bersasar-bela-rakyat-perkukuh-ekonomi-negara>

Jesslyn Eng Yi Sin\* & Doris Padmini Selvaratnam  
 Pusat Kajian Pembangunan Inklusif & Lestari (SID),  
 Fakulti Ekonomi & Pengurusan,  
 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

\*Pengarang untuk surat-menjurat, emel: A186924@siswa.ukm.edu.my